

BERITA

# HASIL



EDISI  
**03**  
2022  
PERCUMA  
[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



**Kelangsungan Pelaburan  
Cukai Demi  
Kemakmuran Negara**

**TAHIAH HASIL :**  
Sustainable Development  
Goals International  
Innovation Awards 2022

# CRYPTOCURRENCY

**Issues and Concern  
in Malaysian Taxation**

# Tahniah

**HASIL DAN KELUARGA HASIL**

**ZAKAT MENERUSI POTONGAN GAJI  
MELEBIHI RM1 JUTA DI SELANGOR**

Syabas dan tahniah HASiL dan Keluarga HASiL kerana menunaikan tanggungjawab membayar zakat menerusi potongan gaji melebihi RM1 juta di Selangor sekali gus menerima Plak Berlian Pengiktirafan dan Penghargaan daripada Lembaga Zakat Selangor. Semoga sumbangan ini terus membantu asnaf di Selangor.

04 Oktober 2022



# Tahniah

HASiL

## SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS INTERNATIONAL INNOVATION AWARDS (SDGIIA) 2022

Tahniah HASiL atas kejayaan memperolehi Bronze Award bagi sistem HASiL Chat dalam program penganugerahan Sustainable Development Goals International Innovation Awards (SDGIIA) 2022 bersempena dengan program Malaysia Technology Expo (MTE) 2022.

21 Oktober 2022



# ISI KANDUNGAN

## **IKON**

Encik Azizol Bin Ahmad : Pengarah Jabatan  
Pungutan HASiL **4**

## **FOKUS CUKAI**

*Cryptocurrency - Issues And Concern  
In Malaysian Taxation* **8**

## **SEMASA**

*Hasilian Research Snapshot  
(HRS) 2022: An Analysis Of Tax Non-  
Compliance Behaviour Of Small And  
Medium Sized Corporations In  
Malaysia* **11**

Kelangsungan Pelaburan Cukai Demi  
Kemakmuran Negara **14**

## **RANGKUMAN**

Konvensyen *JLK-ACO on Board* **18**

*Tax Collection Summit 2022* **20**

Konvensyen JDP 2022 **22**

*National Tax Conference 2022* **24**

*Legal Convention 2022* **26**

Konvensyen Pematuhan 2022 **28**

Hari Sihat HASiL 2022 **30**

Sukan HASiL 2022 **31**

*51st SGATAR Annual Meeting 2022* **33**

Pesta Konvokesyen HASiL 2022 **35**

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti HASiL 2022 **36**

## KLINIK CUKAI

Percukaian Selain Individu dan Selain Syarikat **43**  
Program HASiL *Your Tax Buddy* **44**

## HASiL PRIHATIN

Rangkuman Aktiviti CSR HASiL **45**

## CETUSAN

*Zakat and Tax on Cryptocurrency in Malaysia: A Comparison* **46**

## ISTILAH

Istilah Percukaian **48**

# TEAM BERITA HASIL

### PENAUNG :

YBhg. Datuk Dr. Mohd. Nizom Sairi

### PENASIHAT :

Noraini Mustafa

### PENYELARAS :

Kasmawati Moin

### SUSUNAN & PENYEDIAAN BAHAN :

Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia,  
Jabatan Khidmat Korporat

### PEREKA GRAFIK :

Giga Wise Network Sdn. Bhd.

### TERIMA KASIH :

YBrs. Encik Azizol bin Ahmad, Pengarah Jabatan Pungutan Hasil  
Dr. Zainal Abidin Md Yassin, Jabatan Penyelidikan dan Strategik  
Puan Nor Ashikin Mohd Nadzari  
Jabatan Logistik Korporat  
Jabatan Pungutan Hasil  
Jabatan Dasar Percukaian  
Akademi Percukaian Malaysia  
Jabatan Undang-Undang  
Jabatan Pematuhan Cukai  
Jabatan Pengurusan Insan  
Jabatan Percukaian Antarabangsa  
Pejabat Pengarah Negeri WP Putrajaya  
Bahagian Komunikasi, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Bahagian Pendidikan Cukai, Jabatan Khidmat Korporat  
Bahagian Pengurusan Kualiti dan Inovasi, Jabatan Khidmat Korporat

### EDARAN :

Pusat Sumber HASiL

### TARIKH KELUARAN :


Disember 2022

### CETAKAN :

Gigawise Network Sdn Bhd  
No. 74, Jalan Kapar 27/89,  
HICOM Heavy Industrial Park  
Seksyen 27, 40400 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5191 1115 Fax: 03-5191 1004

[www.gigaprint2u.com](http://www.gigaprint2u.com)  
Giga Wise Network Sdn Bhd

**P**ersonaliti edisi ketiga bagi tahun ini adalah individu yang sering dikaitkan dengan sektor pungutan. Apa tidaknya, jiwanya diibaratkan telah sebatih dengan bidang tersebut sejajar dengan perjalanan kerjaya beliau sehingga kini. Anak kelahiran Kluang, Johor ini dikenali sebagai seorang yang mudah didekati, tegas pendirian serta sentiasa menjalankan tugas dengan penuh komited dan berdedikasi. Beliau yang dimaksudkan adalah Encik Azizol bin Ahmad, Pengarah Jabatan Pungutan Hasil (JPH).



### MOTIVASI

#### Cara Kekal Bermotivasi

Saya bersyukur, saya adalah seorang yang sukakan cabaran dan berminat untuk meneroka perkara-perkara baharu. Jadi, ini akan memberikan kelebihan jika saya perlu berada dalam situasi dan persekitaran yang berbeza. Sekiranya saya bertukar ke sesuatu tempat baharu, saya akan menambah baik kekurangan yang mungkin ada dalam prosedur kerja sebelumnya dan membawa perubahan yang dirasakan bersesuaian mengikut tugas di tempat tersebut. Selain itu, saya juga akan pastikan kesihatan diri berada dalam tahap optimum memandangkan situasi kerja yang mencabar, terutamanya dalam berhadapan dengan pelbagai pihak seperti kementerian, agensi bersekutu, organisasi luar dan pegawai HASIL sendiri.

Secara ringkasnya, perkara yang memotivasikan saya dalam menjalankan pekerjaan seharian adalah :

- i). Saya bersyukur dengan apa yang dikurniakan dan menghargai setiap yang diterima termasuk persekitaran saya,
- ii). Keluarga merupakan motivasi utama dan elemen paling penting adalah hubungan yang rapat dengan mereka,
- iii). Keberkatan merupakan elemen terpenting yang perlu kita jaga kerana setiap rezeki yang diterima bukan semata-mata dibelanjakan untuk kita, malah akan memanfaatkan orang-orang sekeliling kita; dan
- iv). Hubungan yang baik dengan rakan-rakan sejawat dan pegawai seliaan juga memberikan semangat kepada saya dalam memberikan yang terbaik. Apabila bekerja secara berkumpulan, adalah penting untuk saya menjadi

pemudah cara antara pihak yang terlibat memandangkan tugas kita ini berkait antara satu sama lain dalam memastikan misi dan visi organisasi tercapai.

### **Memotivasikan Pegawai Seliaan dan Asas Kepimpinan Yang Baik**

Apabila saya datang ke JPH, pegawai di sini telah mewujudkan *whatsapp group* yang memberikan saya peluang untuk berinteraksi dengan pegawai seliaan dengan lebih dekat. Hampir setiap pagi, saya akan berkongsi doa kepada mereka termasuk hari minggu. Saya juga menggunakan platform tersebut untuk memberi ucapan selamat kepada mereka yang meraikan hari istimewa, terutamanya ucapan hari lahir.

Saya juga akan cuba untuk bersarapan dengan setiap unit secara giliran setiap bulan. Melalui ruang tersebut, saya memberi peluang kepada mereka untuk berkongsi dan mengutarakan apa sahaja yang ingin diperkatakan. Komunikasi dua hala sebegini akan mewujudkan kepercayaan dan keterbukaan antara kami. Saya juga memberikan kepercayaan kepada pegawai untuk melakukan sesuatu tugas, dan dalam masa yang sama membantu mereka dalam pelaksanaan kerja tersebut.

Pada hemat saya, pendekatan sebegini akan membuatkan mereka selesa untuk berurusan dengan saya, lagi-lagi apabila melibatkan kerja. Walaupun rasa '*sense of belonging*' terhadap tempat kerja merupakan nilai tambah yang ingin saya terapkan dalam kalangan pegawai, namun masing-masing juga memahami bahawa kita mempunyai prosedur kerja yang harus dipatuhi.

### **Ciri Kepimpinan yang Perlu Dipupuk dalam Diri Individu**

Antara perkara yang penting untuk diperhatikan adalah seperti berikut :

- i). Peranan pemimpin dan pengurus adalah berbeza. Pengurus akan menjalankan fungsi mengurus sahaja, sedangkan pemimpin bertanggungjawab membawa individu di bawah kepimpinannya bergerak ke arah misi dan visi yang dituju. Oleh itu, pemimpin perlu menerangkan hasrat pengurusan dengan jelas kepada pegawai seliaannya agar haluan tidak tersasar,
- ii). Pemimpin harus berani mengambil risiko dan membuat keputusan. Ini adalah penting bagi memudahkan pelaksanaan gerak kerja yang dirancang.
- iii). Pemimpin harus terbuka dalam mendengar pandangan yang diutarakan serta menerima sekiranya
- iv). Sekiranya menghadapi sebarang masalah, kita harus kenal pasti punca dan tampil dengan penyelesaian yang bersesuaian supaya boleh bergerak ke fasa seterusnya.
- v). Belajar daripada pengalaman. Perlu diingatkan, sesuatu keputusan yang dibuat adalah berdasarkan situasi pada masa tersebut. Sekiranya ketetapan itu tidak lagi relevan untuk diteruskan, kita belajar dan kenal pasti cara untuk menggantikan dengan perkara yang lebih baik.
- vi). Pemimpin yang bagus mempunyai pemerhatian yang bagus bukan sahaja terhadap perkara sekeliling, tetapi turut melibatkan cara kepimpinan sebelumnya. Saya bersyukur dan bernasib baik kerana dapat bekerja dengan ketua-ketua yang mempunyai personaliti yang mengagumkan buat saya walaupun mempunyai cara kerja yang berbeza. Saya pelajari banyak perkara semasa bekerja dengan mereka dan turut mencontohi karakter yang berkaitan dengan aspek kepimpinan.

## CABARAN

### Cabaran dalam Tugas dan Penyelesaian

Jika merujuk kepada jabatan seliaan saya sekarang (JPH), antara cabaran yang dihadapi adalah saya ditempatkan ke sini dalam tahun 2020 iaitu tahun permulaan pandemik. Ketika itu, saya diminta oleh pengurusan untuk mengemukakan pelan-pelan yang bersesuaian dengan situasi ekonomi semasa. Kita juga bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan dalam memastikan cadangan yang rasional boleh dilaksanakan dan turut bertanggungjawab dalam pemantauan kutipan cukai agar berkadar dengan pencapaian yang ditetapkan.

## Nilai Tambah Kepada Prestasi Semasa HASiL

Berdasarkan situasi semasa di HASiL, kami di JPH akan cuba memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam aspek pungutan dengan menyediakan sistem yang memudahkan prosedur kerja bukan sahaja kepada pegawai HASiL, malah melibatkan pembayar cukai sebagai pelanggan utama kita. Dalam masa akan datang, beberapa pelaksanaan sistem baharu akan diperkenalkan dan dalam peringkat pembangunan. Kita juga akan menambah baik sistem sedia ada berdasarkan maklum balas yang diterima. Pemeriksaan prosedur kerja dan penguatkuasaan undang-undang juga perlu dijalankan secara konsisten dalam memastikan setiap pihak menjalankan tanggungjawab masing-



Tempoh yang mencabar tersebut juga membuatkan kerjasama dan hubungan antara JPH dengan jabatan-jabatan lain juga menjadi lebih rapat. Dalam situasi ini, semangat berpasukan itu lebih menyerlah, lagi-lagi apabila persekitaran kerja masing-masing adalah berbeza. Sebagai contoh, walaupun sasaran kutipan perlu dicapai, namun kita juga perlu perhatikan aspek ekonomi semasa yang benar-benar menduga bukan sahaja pembayar cukai dalam negara, malah melibatkan pihak luar negara. Saya bersyukur, setiap pihak memberikan komitmen dan kerjasama atas cadangan yang diberikan.

masing.

## WAWASAN DAN HALA TUJU

### Hala Tuju Jabatan Pungutan Hasil

Saya ingin urusan pungutan akan dijalankan secara automasi secara lebih menyeluruh, jadi pegawai-pegawai kita boleh menjalankan fungsi pungutan yang lebih kritikal seperti penguatkuasaan dan semakan. Apabila perancangan ini berjaya dilaksanakan, kerja-kerja pengauditan pungutan akan dijalankan dengan lebih telus dan berfokus.

Pegawai-pegawai pungutan juga akan

dipersiapkan dengan pelbagai kemahiran yang bersesuaian dengan tugas mereka, terutamanya melibatkan perundingan. Inisiatif sebegini diambil dalam memastikan maklumat berkaitan lejar dan pungutan pembayar cukai akan disampaikan dengan lebih berkesan.

## INSPIRASI BUAT HASILIAN

Setiap manusia pasti ada kekurangan dan kelemahan yang membawa kepada perasaan putus asa. Walau bagaimanapun, kita perlu bangkit dan terus mencuba sehingga mencapai apa yang dikehendaki dan diimpikan.

### Kenangan Tidak Dapat Dilupakan Sepanjang Perkhidmatan

Banyak kenangan indah dan kejayaan yang telah dilakar bersama-sama HASiL. Antaranya adalah :

- i). Mewakili HASiL menerima Anugerah Inovasi Kementerian Kewangan 2009,
- ii). Memenangi Anugerah Inovasi CEO (AICEO) pertama pada 2013 bagi projek 'Sistem e-PCB Bagi Kegunaan Majikan yang Tidak Mempunyai Sistem Penggajian Berkomputer untuk Mengira Dan Membayar PCB',
- iii). Bersama-sama YB Menteri Kewangan I semasa pelancaran bayaran cukai secara kad kredit pada Hari Hasil ke-20 tahun 2016,
- iv). Menerima tawaran belajar ke USA selama sebulan dalam bidang forecasting,
- v). Penganjuran CATA 2019 oleh PPN Pulau Pinang di bawah seliaan saya

## SANTAI SEMINIT

- i). Hobi pada masa lapang : Makan dan jalan-jalan
- ii). Warna pilihan : Kelabu
- iii). Jika bukan seorang pegawai HASiL, apakah cita-cita atau karier pilihan Encik Azizol: Mungkin saya akan terlibat

- dalam bidang perancangan korporat atau Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD)
- iv). Pandangan tentang tanggungjawab : Sangat penting jika ingin berjaya
  - v). Pandangan tentang integriti : Kepentingan integriti ini dinilai antara skala satu ATAU sepuluh, bukan satu SEHINGGA sepuluh. Pilihan itulah yang menentukan sama ada anda beramanah atau sebaliknya
  - vi). Pandangan terhadap media sosial : Perlu guna dengan cara yang betul untuk kebaikan bersama
  - vii). Tonton filem atau baca buku : Semestinya tonton filem!
  - viii). Golf atau bola sepak : Kedua-duanya tidak kerana saya lebih gemarkan tenis dan sukan artistik
  - ix). Mengopi atau memancing : Saya pilih mengopi.
  - x). Harapan terhadap generasi baharu : Generasi baharu terutamanya pegawai muda HASiL perlu mengetahui sejarah penubuhan HASiL bermula daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Kita perlu pelajari dan ketahui sejarah supaya dapat mempersiapkan diri selengkapnya agar imej HASiL yang dibawa selama ini kekal terjaga. Jadilah pegawai yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan diri dengan segala lapangan ilmu dan mempunyai budaya kerja yang cemerlang. Jadikan pemimpin-pemimpin terdahulu sebagai contoh teladan, lebih-lebih lagi untuk menjadi **subject-matter expert** dalam sesuatu perkara.





## Fokus Cukai

### CRYPTOCURRENCY Issues And Concern In Malaysian Taxation

BY : PROF DATO' DR. MUSTAFA MOHD HANEFAH, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Cryptocurrencies also known as digital/virtual currencies or tokens which are created or mined and traded privately by individuals or groups for transactions that are not recognized by regulators in many countries. It was developed as an alternative to fiat money. Fiat money had its own weaknesses especially during inflationary times and economic downturns. It is said to be not stable during economic crises and heavily controlled and monitored by central banks. Malaysia faced this problem during the Asian financial crisis in 1997/98.

Until today, cryptocurrencies are not regulated nor supervised by any central banks in the world. Thus, cryptocurrencies are not recognized as legal tenders in any country.

Bitcoin was the first cryptocurrency developed in 2008 and issued in 2009. Ever since then, a number of other cryptocurrencies have been mined and traded by individuals/ companies globally. Among them are Ethereum, XRP, Litecoin, Dogecoin, Ripple and many more. Interestingly, there are more than 1,000 cryptocurrencies in circulation now and many more in the pipeline.

Lately, cryptocurrencies have become very popular even among women miners, traders and investors. This is due to the sudden rise in Bitcoin's value. The price of Bitcoin has skyrocketed ever since it was launched in 2009. In 2011, one Bitcoin went up to USD1,000 (RM4,150) but later crashed. The price has been very volatile. After a number of ups and downs, Bitcoin reached an all-time high of USD

62,000 (RM 254,200) in March 2021. But it fell again after Elon Musk of Tesla gave negative comments about it being not environment friendly. China too recently has decided not to recognise cryptocurrencies.

The rise in Bitcoin's and other digital currencies value during the COVID-19 pandemic can be attributed to poor performance of the stock market. Global economy was affected by COVID-19 and lockdowns in almost all countries. World economy nosedived due to the pandemic and almost all stock markets were affected.

Investors wanted an alternative and saw the opportunity in digital economy. Due to lockdowns, online businesses became popular among customers. Although digital currencies were not used as a medium of exchange, many investors shifted their investments to these currencies hoping to make money even though they were not backed by economic fundamentals. Many profited from an upsurge in these currencies during the pandemic that happened from late last year into early this year.

The main issue is how tax authorities like Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM) classify digital currencies? What are the real issues and challenges faced by IRBM in taxing cryptocurrencies? In actual fact, IRBM is not able to collect much income tax or other taxes because of the unique characteristics of cryptocurrencies.

The unique characteristics of cryptocurrencies make it very different from fiat currencies. As such, cryptocurrencies pose many problems and challenges to central banks and tax authorities like IRBM. IRBM like other tax authority world over is well aware of what is happening to the dynamic developments of cryptocurrencies and how investors and traders are profiting from digital currencies and evading or avoiding income tax and other taxes. This is a world-wide phenomenon.

Malaysian investors who make a gain or profit from cryptocurrencies should declare such income under section 12 of Income Tax Act

(1967). According to IRBM updated guidelines issued in 2019 on Taxation for E-Commerce transactions that include digital currencies, gains from cryptocurrencies are also subject to income tax under section 3 of ITA, 1967 irrespective whether income is earned from cryptocurrencies or from conventional business transactions. It is based on the principle of neutrality. Government revenue is impacted as a result of tax avoidance and evasion by miners and traders of digital currencies. Thus, there must be a special unit to gather all information from websites and social media so that the players do not escape being taxed. Besides, IRBM should also conduct audits and investigations to ensure that players of this industry to report their income.

In the US, UK, Australia and Canada, all bitcoin transactions are treated as taxable transactions and are subject to capital gains tax (CGT) or income tax. Most countries including UK and Australia are also treating exchange of bitcoin as two separate transactions of buying and selling. In this case, any gains from these transactions are subject to CGT as well as GST or VAT. However, Malaysia do not impose CGT on gains from trading shares in Bursa Malaysia or cryptocurrencies. CGT is only applicable on gains from disposal of real properties or shares in a real property company. As such, it is a big loss of revenue to the country. In order to curtail tax avoidance or evasion, CGT subject to cryptocurrency should be introduced in the next Malaysia's National budget including taxes the gains on disposal of investments and taxes on the increase in the value of the cryptocurrency as well. The Government should also revise Paragraph 28 Schedule 6 of the ITA which exempts income arising abroad from being taxed in Malaysia if income is received in Malaysia. It is important to strengthen the cooperation among government and private agencies which are directly involved with e-Commerce activities for future country's development.

*This article was extracted from The Malaysian Reserve – The Issues Surrounding Cryptocurrency in Malaysian Taxation, published on October 4th, 2021*



# SEKATAN PERJALANAN

📍 Sudahkah anda menyemak dan menjelaskan cukai pendapatan sebelum ke luar negara?

Sila semak di e-lejar melalui Mytax  
<https://mytax.hasil.gov.my>



Sekiranya anda tidak pasti, sila layari  
<https://sspi.imi.gov.my>  
untuk membuat semakan



Jika anda dikenakan sekatan, sila hubungi pegawai perhubungan awam cawangan yang mengendalikan fail cukai anda.



<https://www.hasil.gov.my/hubungi-kami/panggilan/pegawai-perhubungan-awam/>



## ABSTRACT

- This study aims to test hypotheses on factors that may influence the tax non-compliance **behaviour of Malaysian corporations.**
- The sample of this study comprises of 2,657 observations from 1,790 corporations which had been audited or investigated by the Malaysian tax authority within the period. These cases have been settled and finalised between 2002 and 2005. These audit and investigation data are in the form of cross sectional and panel data respectively. Overall, this research examines the non-compliance behaviour of **both Small and Medium-Sized Corporations (SMCs) as well as large corporations.**
- Using Tobit regressions, this study finds that the marginal tax rates, level of directors' ownership, book-tax-difference and level of efficiency are the major factors that influence the tax non-compliance behaviour amongst Malaysian corporations. The results also suggest that type of industry and gross profit margin are another two influencing factors to non-compliance behaviour.
- The study has also identified four contributing factors in non-compliance behaviour of SMCs i.e. marginal tax rates, level of directors' ownership, size and level of efficiency. On top of that, the book tax difference, gross profit margin and cash flow levels are also recognised as influencing factors in SMCs' tax non-compliance behaviour.
- Finally, the marginal tax rates variable is recognised as a very significant factor that

influences tax non-compliance behaviour of both SMCs and large corporations.

## PROBLEM STATEMENT

The rate of increase in corporate tax is only 25 times between a period of 1970 to 1979 and 2000 to 2009 as reported by the Treasury of Malaysia (TOM) in 2009. The growth rate of corporate tax revenue was not in tandem with the collection of taxes on individuals.

The amount of tax revenue collected in Malaysia is relatively very low as compared to developed countries. This suggests that there is a high number of corporations in Malaysia that are still underreported their income.

## RESEARCH QUESTION

- What are the factors determining tax non-compliance behaviour of SMCs?
- Which of these factors are common to tax non-compliance behaviour of large corporations?
- What is the impact of tax audit and investigation on non-compliance behaviour of SMCs?
- What is the impact of tax audit and investigation on non-compliance behaviour of large corporations?

## OBJECTIVES

- To determine the factors of tax non-compliance behaviour of SMCs
- To determine factor that are common to tax non-compliance behaviour of large corporations
- To study the impact of tax audit and

investigation on non-compliance behaviour of SMCs

- To study the impact of tax audit and investigation on non-compliance behaviour of large corporations

## FRAMEWORK

Follows the models tested in Rice, 1992; Giles 1998; Chan and Mo, 2000 and Hanlon et al., 2007, with another five additional variables – the degree of shareholders' ownership, degree of directors' ownership, cash flow, tax refund and reputation.

### Corporate Tax Non-Compliance Behaviour

- H1 : Marginal Tax Rates
- H2 : Directors Ownership
- H3 : Ownership Concentration
- H4 : Private or Public
- H5 : Size
- H6 : Book-Tax-Difference
- H7: Gross Profit Margin
- H8 : Net Profit Margin
- H9 : Cash Flow
- H10 : Efficiency
- H11 : Tax Refund
- H12 : Tax Refund Amount
- H13 : Tax Incentives
- H14 : Reputation
- H15 : Majority Control
- H16 : Foreign Ownership
- H17 : Industry
- H18 : Tax Preparer
- H19 : Basis Year

## METHODOLOGY

- The main method of this research is quantitative. A qualitative research method is also included to form a

triangulation approach. A triangulation approach is used with the empirical data from the tax authority and is supported by interviews with tax officers and tax agents who were former tax officers.

- Equation for the Proposed Model of Corporate Tax Non-Compliance Behaviour

$$y_{it} = \alpha_0 - \beta_1 \text{Marginal\_Tax\_Rates}_{it} - \beta_2 \text{Directors' Ownership}_{it} + \beta_3 \text{Ownership\_Concentration}_{it} + \beta_4 \text{Private\_or\_Public}_{it} - \beta_5 \text{Size}_{it} - \beta_6 \text{Book-Tax-Difference}_{it} - \beta_7 \text{Gross\_Profit\_Margin}_{it} - \beta_8 \text{Net\_Profit\_Margin}_{it} + \beta_9 \text{Cash\_Flow}_{it} + \beta_{10} \text{Efficiency}_{it} - \beta_{11} \text{Tax\_Refund}_{it} - \beta_{12} \text{Tax\_Refund\_Amount}_{it} - \beta_{13} \text{Tax\_Incentives}_{it} + \beta_{14} \text{Reputation}_{it} - \beta_{15} \text{Majority\_Control}_{it} + \beta_{16} \text{Foreign\_Ownership}_{it} + \beta_{17} \text{Industry}_{it} + \beta_{18} \text{Tax\_Preparer}_{it} + \beta_{19} \text{Basis\_Year}_{it} + \epsilon_{it}$$

The dependent variable  $y_{it}$ , is defined as the ratio of unreported income over the total assets.

- With respect to interviews conducted on 22 officers of the IRBM and 4 tax agents who were former officers of the tax authority, the process was successful with keen interest shown by the participants and cooperation given by the tax authority itself.

## FINDINGS

- This study reveals the marginal tax rates and directors' ownership are the main factors that may explain the corporate tax non-compliance behaviour. Both are positively associated with non-compliance behaviour.
- However, it is important to highlight that size is also a major factor that determines the non-compliance behaviour of the SMCs. Besides that, efficiency is another significant factor that contributes to the non-compliance of the SMCs. The study

has shown that efficiency has negative relationship with non-compliance behaviour.

- This study identifies that marginal tax rates, directors' ownership, gross profit and efficiency correlate positively with non-compliance behaviour. Thus, the rate of evasion will increase when the level of these four factors increases. In contrast, size and book-tax-difference correlate negatively with non-compliance behaviour.
- The findings show that marginal tax rates have a greater impact on non-compliance behaviour than other factors.
- Even though the quantitative test shows that marginal tax rates are very significant factors in corporate tax non-compliance behaviour, the qualitative test shows that only slightly more than 50 percent of tax officers agree with this finding. The reason given by the officers who view that marginal tax rates have no effect on tax non-compliance behaviour is due to the attitude which is the main factor of corporate tax non-compliance revealed in the qualitative test.
- The attitude of taxpayers who would prefer to focus more on the profit they will get at the end of the day, and the whole profit is presumably belonged to them and therefore, reluctant to depart from it are the reasons for non-compliance.

## CONCLUSION

- From the tests conducted for this research on both quantitative and qualitative approaches, attitude, marginal tax rates, directors' ownership and tax knowledge

are the main factors of corporate tax non-compliance.

- Book-tax-difference and efficiency may also influence non-compliance behavior where the former is negatively associated to that behavior and vice-versa to the latter.
- Besides marginal tax rates, directors' ownership and efficiency, size is also a significant factor to SMCs' non-compliance behavior which is negatively associated with that behavior. For large corporations, profitability is a significant factor that associates positively with non-compliance behavior besides marginal tax rates.
- These determinants may be adopted into the audit or investigation framework in predicting the non-compliance behaviour of corporations in Malaysia.

## RESEARCH GAP

- This study contributes to the literature as none of the studies before focus on SMCs.
- This study is the first that has ever been done on the ownership level of corporations with regard the tax non-compliance behaviour of SMCs.
- Future research may explore the discrimination against equity in the tax system and information available in the financial statement of a corporation which probably influence the behaviour of corporations towards the tax system.

**L**embaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL), pembayar cukai dan pendapatan negara mempunyai hubungan rapat dengan pembangunan serta kemantapan ekonomi negara. Peranan penting yang dimainkan oleh HASiL sebagai antara agensi utama di bawah Kementerian Kewangan memang tidak dapat dinafikan dalam memungut dan mentadbir cukai langsung negara.

Hasil cukai menyumbang peratusan besar kepada pendapatan negara setiap tahun sama ada daripada cukai langsung mahupun tidak langsung. Tanpa pendapatan daripada cukai, adalah mustahil negara mendapat dana mencukupi bagi menampung perbelanjaan pembangunan dan pengurusan.

Persoalannya, adakah pembayar cukai boleh dianggap sebagai 'pelabur' kepada syarikat yang bergelar Malaysia? Pernyataan dan pengertian mudah ialah 'pelabur' akan membawa keuntungan kepada kedua-dua pihak. Adakah pembayar cukai dianggap pelabur kepada negara Malaysia? Siapakah lembaga atau institusi yang menjadi pengantara antara pembayar cukai dan negara? Bagaimanakah cukai boleh dikutip dan pengurusan yang berkaitan boleh dilakukan dengan sistematik? Bagaimana pula agihan yang sah boleh dilakukan dan memberi keyakinan kepada pembayar cukai?

### **Kutipan dilabur semula**

Apa yang lebih penting ialah

hasil dikutip itu dapat diguna atau dilaburkan semula ke dalam negara agar berlaku kitaran dan pelaburan positif berterusan. Dengan itu, pembangunan dan pentadbiran negara berlaku dengan sempurna serta memastikan proses pembangunan dan kegiatan ekonomi terus berjalan. Tanpa kegiatan ekonomi yang lancar, aktif, tersusun dan sistematik, cukai tidak mungkin dapat dikutip dengan baik sehingga membolehkan jumlah kutipan mencukupi bagi putaran kegiatan ekonomi yang sempurna.

Satu persoalan mudah; mungkinkah kegiatan ekonomi dapat berjalan lancar tanpa prasarana yang baik dan struktur politik dan pentadbiran yang sempurna serta stabil? Mungkinkah tanpa jumlah peruntukan belanjawan mencukupi dapat menyediakan peruntukan perbelanjaan pembangunan ekonomi, sosial, keselamatan serta kesihatan yang baik? Semuanya tidak mungkin berlaku tanpa peruntukan belanjawan mencukupi. Dari mana sumber belanjawan negara bagi perancangan setiap tahun jika bukan daripada sumber cukai.

Di sini, jelas terbukti peranan yang dimainkan HASiL sebagai lembaga yang mengutip dan menguruskan pungutan cukai. Tanpa lembaga seperti HASiL yang mengutip cukai secara sistematik, tidak mungkin cukai dapat dikutip dalam jumlah yang begitu besar. Dengan kata lain, tanpa pungutan cukai, negara tidak akan mendapat sumber mencukupi bagi menampung perbelanjaan kerana

cukai adalah sumber terpenting bagi pendapatan negara.

### Hasil pendapatan negara

Ini dapat dijelaskan melalui kedudukan sumber cukai dan bukan cukai dalam komponen pendapatan negara serta belanjawan negara mulai 2019 hingga 2022:



Rajah 1 : Hasil Cukai dan Bukan Cukai bagi 2019 sehingga 2022

Merujuk Belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi 2019 hingga 2022, sumber daripada cukai adalah lebih besar berbanding sumber bukan cukai. Sumber cukai ini merujuk cukai pendapatan, lain-lain cukai langsung dan cukai tidak langsung, manakala sumber bukan cukai merujuk kepada pinjaman dan penggunaan aset Kerajaan serta hasil bukan cukai. Ini menunjukkan, peratusan hasil cukai melebihi hasil bukan cukai iaitu 56 peratus (2019), 63.9 peratus (2020), 54.1 peratus (2021) dan 51.6 peratus (2022).

Daripada angka ditunjukkan, jelas kepada kita pendapatan daripada sumber cukai menyumbang peratusan besar bagi pendapatan negara. Jika HASIL tidak memainkan peranan penting dalam memastikan peratusan pendapatan cukai yang besar ini, tentu belanjawan

yang dirancang menghadapi kesulitan dan kepincangan. Dari mana hasil cukai besar ini diperoleh jika bukan sumbangan semua pembayar cukai.

Pendapatan negara hasil daripada cukai ini diguna untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Dapat kita katakan pembayar cukai ialah pelabur kepada Malaysia. Mereka yang layak membayar harus menyedari hakikat bahawa cukai dikutip bagi kebaikan kita semua, iaitu bagi pembangunan negara secara keseluruhan yang dinikmati bersama. Tanpa pendapatan negara yang mencukupi, proses pembangunan tidak akan berjalan dengan sempurna. Secara tidak langsung, pulangan semula atau kesan positif pelaburan negara bersifat jangka panjang tidak akan berlaku tanpa pungutan cukai yang mencukupi.

Seharusnya, rakyat terutamanya pembayar cukai memahami fungsi HASIL sebagai agensi utama di bawah Kementerian Kewangan yang dipertanggungjawabkan mengutip dan mentadbir cukai langsung negara. Oleh itu, pentadbiran dan kuasa politik yang berkuasa perlu menggunakan dan membelanjakan pendapatan negara (yang besar peratusnya daripada sumber cukai) dengan sebaik mungkin. Elak sebarang salah guna sumber yang ada dan laksanakan amanah dengan penuh integriti. Elakkan ketirisan sumber kerana ia akan memberikan kesan negatif kepada semua pembayar cukai serta pusingan positif pelaburan jangka panjang Malaysia.

*Penulis merupakan bekas pensyarah dan Profesor Madya di Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah.*

*Artikel ini telah diterbitkan dalam Berita Harian pada 18 Ogos 2022.*

# Tahniah

**CAWANGAN MUAR**

## **PENGANJUR KEMPEN DERMA DARAH TERTINGGI**

Syabas dan tahniah kepada Cawangan Muar yang telah mendapat pengiktirafan sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Kutipan Tertinggi Sempena Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia 2022 dalam majlis anjuran Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar.

23 Julai 2022



# Tahniah

## CAWANGAN SIBU

**TEMPAT KETIGA KATEGORI JABATAN KERAJAAN  
DALAM PERTANDINGAN DERMA DARAH 2021**

Syabas dan tahniah kepada Cawangan Sibu yang telah mendapat tempat ketiga bagi Kategori Jabatan Kerajaan bagi Pertandingan Derma Darah 2021 dalam Majlis Pengiktirafan Penderma Darah 2022 Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) Cabang Sibu sempena Hari Derma Darah Sedunia di Dewan Wong Soon Kai PBSMM Cabang Sibu.



16 Julai 2022





Majlis Perasmian JLK- ACO On Board oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan turut dihadiri oleh YBrs. Puan Wan Ramiza Binti Wan Ghazali, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)

## Rangkuman

### Konvensyen Logistik Korporat: JLK - ACO ON BOARD

SUSUNAN: JABATAN LOGISTIK KORPORAT

Seiring dengan hasrat untuk meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan sokongan korporat, Jabatan Logistik Korporat (JLK) telah menganjurkan Konvensyen *JLK- ACO On Board* pada 24 sehingga 28 Julai 2022 di Hatten Hotel, Melaka. Seramai 153 orang peserta yang terdiri daripada *Admin Care Officer* dan Wakil Pentadbiran Jabatan/ Negeri/ Cawangan/ Cawangan Siasatan, pegawai jemputan daripada Jabatan Kewangan, Akademi Percukaian Malaysia serta pegawai JLK telah berhimpun buat pertama kalinya untuk merealisasikan setiap agenda yang direncanakan selaras dengan tema '**Towards Sustainable Excellence**'.

Tema ini dipilih sejajar dengan usaha untuk mengekalkan kecemerlangan perkhidmatan sokongan korporat bagi menyokong aktiviti teras HASiL secara holistik. Perubahan drastik akibat pandemik Covid-19 merupakan anjakan paradigma yang telah menggesa setiap entiti untuk menerima dan mengadaptasi perubahan dengan pantas. JLK selaku pemilik proses sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatur strategi dan pelan tindakan supaya pengurusan perolehan dan khidmat logistik di semua peringkat kekal cemerlang.

Penganjuran sulung *JLK-ACO On Board* merupakan antara strategi bagi menyediakan platform perbincangan, perbincangan dua hala di antara pemilik proses dan pelaksana serta pencambahan idea yang bermatlamatkan untuk meningkatkan tadbir urus perkhidmatan sokongan korporat. Kemuncak konvensyen ini adalah para peserta mendengar amanat dan menghayati hasrat dan hala tuju Pengurusan Atasan HASiL secara langsung daripada YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL dan YBrs. Puan Wan

Ramiza binti Wan Ghazali, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan).

Selain itu, konvensyen ini juga diisi dengan program yang membakar semangat dan menyuntik idea baharu kepada para peserta melalui Management Games, Professionalism Talk, Motivation Talk dan Knowledge Sharing daripada agensi luar. Penganjuran *JLK- ACO On Board Gala Dinner* merupakan acara penutup yang memastikan para peserta kekal bersemangat, *refresh* dan *reborn* sekembalinya bertugas ke pejabat masing- masing.

Secara tuntasnya diharapkan penganjuran *JLK- ACO On Board* ini memberikan 1001 manfaat kepada setiap peserta dan memacu kecemerlangan pengurusan perolehan dan khidmat sokongan logistik di tahap yang unggul.

### **Antara Aktiviti Sepanjang Konvensyen**



**T**ax Collection Summit (TCS) 2022 anjuran Jabatan Pungutan Hasil telah diadakan pada 26 sehingga 29 Julai 2022 bertempat di Hotel Avillion, Port Dickson, Negeri Sembilan dengan penglibatan seramai 130 *Tax Collectors* daripada seluruh negara.

*Post Pandemic: A Gear Up Strategy* dipilih sebagai tema TCS 2022 yang merupakan kesinambungan kepada tema TCS 2021 iaitu *Empowering Tax Collection in Economic Uncertainty*. Strategi pemungutan baharu dilihat sangat signifikan kepada *Tax Collectors* dalam usaha memungut hasil negara seiring dengan peralihan negara ke fasa endemik.

### Antara pengisian adalah:

- i.) *Teh Tarik Talk Session* bersama Encik Azizol bin Ahmad, Pengarah Jabatan Pungutan Hasil;
- ii.) *Knowledge Sharing Session* bersama Jabatan Perisikan dan Profiling, Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko, Jabatan Pematuhan Cukai, Jabatan Undang-Undang dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- iii.) *Best Practice Sharing Session* daripada cawangan yang memaparkan prestasi cemerlang mengikut kriteria berikut:
  - i. Peningkatan Tertinggi Kutipan PCB Sehingga Mei 2022
    - Cawangan Miri
    - Cawangan Bangi
  - ii. Kecekapan Tertinggi Debit Semasa Bagi Tempoh Januari Sehingga Mei 2022
    - Cawangan Khas
    - Cawangan Bintulu
  - iii. Kutipan Tertinggi Daripada Aktiviti Tunggakan Hasil Sehingga Mei 2022
    - Cawangan Duta Perniagaan
    - Cawangan Bintulu
- iv.) Sesi Transformasi Personaliti: *Empowering Tax Collectors Through Non-Verbal Communication* daripada *Body Language Academy (Malaysia)*

Penganjuran TCS 2022 menjadi platform utama kepada *Tax Collectors* dalam membincangkan keseragaman dasar pemungutan, menetapkan pelan tindakan dan pelaksanaan strategi pecutan separuh kedua 2022 dalam mencapai matlamat sasaran kutipan cukai yang telah ditetapkan.





Sebahagian daripada Peserta Konvensyen Dasar Percukaian Bil.1/2022

## Rangkuman

# Konvensyen Jabatan Dasar Percukaian Bil 1/2022

SUSUNAN: JABATAN DASAR PERCUKAIAN

**K**onvensyen Jabatan Dasar Percukaian (JDP) Bil 1/2022 telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Mohd Jaafar Bin Embong, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) HASiL. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh Pengarah Negeri Negeri Sembilan/Melaka, Pengarah Cawangan Melaka dan Pengarah Cawangan Siasatan Melaka.

Seramai 58 orang *Technical Reference Officer (TRO)* dari seluruh negara dan 54 orang peserta daripada JDP telah hadir pada konvensyen kali ini. Sesi penyampaian watakah pelantikan kepada semua TRO turut diadakan semasa majlis perasmian ini.

Dengan tagline '*Towards Camaraderie TRO@HASiL*', konvensyen ini dibahagikan kepada enam sesi taklimat, satu forum khas bersama penceramah dari luar dan sesi soal jawab isu-isu teknikal.

Tajuk taklimat-taklimat yang telah disampaikan adalah :

BIL.	TAJUK	PEMBENTANG
1.	Layanan Cukai Ke Atas Pengamal Perubatan (Doktor Pakar) Di Hospital Swasta Sama Ada Ditaksir Di Bawah Individu Atau Syarikat	Encik Mohd Fazil bin Zainal Azman, Bahagian Konsultasi Profesion, Penggajian dan Am
2.	Potongan Cukai 2% Terhadap Pembayaran Oleh Syarikat Pembayar Kepada Ejen, Pengedar Atau Pengagih Di Bawah Seksyen 107D, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967	Puan Nazrin binti Nordin, Bahagian Semakan Dasar dan Keutuhan Teknikal

3.	Sumbangan Di Bawah ACP 1967 & Audit Pematuhan SS44(6) ACP 1967	Puan Astianty Binti Chia Yon Sin, Bahagian Kelulusan Dan Pemantauan
4.	Taklimat Berkaitan Insentif AIS-GTC Dan Farmaseutikal	Cik Norashikin binti Abd Aziz, Bahagian Konsultasi Perkilangan, Perdagangan, Perlombongan, Pertanian dan Perhutanan
5.	Galakan Cukai Industri Perkhidmatan: An Overview	Puan Rusidah Binti Abdul Rahim, Bahagian Konsultasi Perkhidmatan Dan Ekonomi Digital
6.	Perkembangan Kes Undang-Undang Terkini	YBrs. Dr. Hazlina binti Hussain, Pengarah Jabatan Undang-Undang

Forum khas yang telah diadakan adalah bertajuk “Perspektif Mata Wang Kripto Secara Umum” telah disampaikan oleh Encik Effendy bin Zulkifly dari Blockworq Sdn Bhd yang merupakan seorang pakar dalam bidang cryptocurrency.

Dalam sesi soal jawab pula, pihak JDP memberikan maklum balas kepada isu-isu teknikal terkini yang telah dikemukakan kepada pihak JDP dan disampaikan sebagai perkongsian bersama dalam platform konvensyen ini.

Selain sesi-sesi di atas, para peserta juga diraikan dalam majlis makan malam berkonsepkan “Networking Dinner” dan turut dihadiri oleh Puan Salamattunnajan Binti Besah,

Pengarah JDP.

Semoga Konvensyen JDP Bil 1/2022 ini dapat menjalinkan hubungan yang lebih baik dalam kalangan TRO yang dilantik dari seluruh negara dengan warga JDP dalam menyampaikan khidmat yang lebih cemerlang kepada pembayar cukai.



Ucapan Perasmian oleh YBhg. Datuk Mohd Jaafar Bin Embong, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar) HASiL



Sebahagian daripada Peserta Konvensyen Dasar Percukaian Bil.1/2022



Sesi Perkongsian dan Soal Jawab Isu-Isu Teknikal yang Dikendalikan oleh Jabatan Dasar Percukaian

**N**ational Tax Conference (NTC) 2022 telah berlangsung pada 2 dan 3 Ogos 2022 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) secara hibrid yang mana peserta diberi pilihan untuk hadir secara bersemuka atau maya selari dengan fasa pasca pandemik Covid-19. Persidangan percukaian terunggul Malaysia yang dianjurkan bersama oleh Akademi Percukaian Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dan *Chartered Tax Institute of Malaysia (CTIM)* ini merupakan edisi yang ke-22. Perasmian persidangan pada tahun ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan I. Turut bersama-sama hadir dalam sesi perasmian ini ialah YBhg. Datuk Dr Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif



Ketibaan YBhg. Datuk Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.

HASiL, YBrs. Encik Chow Chee Yen, Presiden CTIM, YBrs. Encik Roszaman bin Md Nawawi, Pengarah Akademi Percukaian Malaysia (APM) dan YBrs. Encik Soh Lian Seng, Timbalan Presiden CTIM.



Ketibaan YB Dato' Indera Mohd Shahr bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan I



Sekitar Sesi Pembentangan dan Perbincangan Topik Dalam NTC 2022

Tema persidangan iaitu *The Role of Taxation in Post Pandemic Recovery* amat sesuai dan selari dengan situasi serta cabaran ekonomi yang sedang dihadapi oleh Malaysia dan seluruh dunia. Terdapat lapan (8) topik yang dibentangkan dan dibincangkan kali ini untuk tempoh dua (2) hari persidangan. Dua (2) topik yang dibincangkan adalah berkait rapat dengan impak

pandemik Covid-19 iaitu membina masa depan yang mampan dan momentum pertumbuhan ekonomi pasca pandemik. Empat (4) topik lain adalah berhubung dengan perkembangan isu percukaian semasa, iaitu *An Update on Pillar 1 & Pillar 2*, *Forum Discussion on Recent Trends in Digital Economy*, *Deriving Business Value From Tax Corporate Governance as Part of The ESG Strategy* dan *Cooperative Tax Compliance: From Deterrence to Deference*. Dua (2) lagi topik adalah topik tradisi setiap tahun iaitu *Tax Cases Update* dan *Roundtable Discussion*.

Pengurusan atasan HASiL antaranya YBhg Datuk Dr Mohd Nizom Sairi, YBhg Datuk Dr Sotimin Muhalip, Datuk Abu Tariq Jamaludin, Puan Salamantunnajan Besah, Dr Esther AP Koisin dan Encik Shaharrudy Othman turut terlibat sebagai panelis dan moderator bagi topik berkenaan bidang tugas masing-masing. Persidangan ini telah berjaya menarik bilangan peserta berbayar sebanyak 2,027 peserta dan dilaksanakan dengan 1,460 peserta secara maya dan 567 peserta secara bersemuka yang terdiri daripada pengamal perakaunan dan percukaian. Walaupun dilaksanakan secara hibrid dalam norma baharu ini, kesemua topik persidangan jelas mendapat sambutan hangat dan perhatian sepenuhnya daripada para peserta berdasarkan komen dan soalan-soalan yang diterima serta sesi perbincangan yang berjaya ditimbulkan.



Sekitar Sesi Pembentangan dan Perbincangan Topik Dalam NTC 2022



Sekitar Sesi Pembentangan dan Perbincangan Topik Dalam NTC 2022



Sekitar Sesi Pembentangan dan Perbincangan Topik Dalam NTC 2022



YBrs. Dr. Hazlina Hussain memberikan ucapan alu-aluan semasa perasmian Legal Convention 2022



Pemenang anugerah 'Rising Star of The Year' memberi ucapan penghargaan

## Rangkuman

# Legal Convention 2022

SUSUNAN: JABATAN UNDANG-UNDANG

Jabatan Undang-Undang merupakan jabatan yang menjadi rujukan dalam mendapatkan pandangan atau penyelesaian berhubung isu undang-undang percukaian yang timbul di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Legal Convention 2022 buat kali pertama sejak tahun 2019 akibat kekangan pandemik COVID-19.

Tema yang dipilih untuk Legal Convention 2022 ini adalah **“Law & Integrity in the New Era”** yang sinonim dengan komitmen dan ketekalan pegawai perundangan dalam mengendalikan kes, menyediakan pandangan undang-undang dan menggubal undang-undang percukaian serta telus dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai perundangan. Tema ini juga turut mengetengahkan sistem prosiding mahkamah yang dijalankan secara dalam talian seiring dengan kemajuan teknologi semasa tempoh dan pasca pandemik COVID-19.

Sehubungan dengan itu, JUU telah menganjurkan Legal Convention 2022 di Hotel Amari Johor Bahru pada 9-12 Ogos 2022. Seramai 150 peserta yang terdiri daripada Pegawai- Pegawai Eksekutif dan Pembantu Hasil telah dijemput untuk hadir.

Antara pengisian Legal Convention 2022 adalah:

1. Pembentangan isu-isu percukaian dan perundangan terbaharu seperti *'Pillar 2 Taxation of the Digital Economy'*, *'A Fully Digitalized Judiciary: Challenges & How to Overcome'*, *'Mahkamah Pesuruhjaya Khas Pendapatan: Selangkah ke Hadapan'* dan *'Updates on Tax Cases'*;
2. Sesi perkongsian misi, visi dan pengalaman bersama YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, CEO HASiL dan sesi bersama YBrs. Dr. Hazlina binti Hussain, Pengarah Jabatan Undang-Undang; dan
3. Pembentangan isu kutipan cukai berkaitan Akaun Belum Terima,

yang telah disampaikan oleh penceramah-penceramah berkaliber dari Mahkamah Rayuan, Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, firma guaman serta Jabatan Pungutan Hasil dan Jabatan Percukaian Antarabangsa.

Matlamat Jabatan Undang-Undang adalah supaya Legal Convention 2022 ini dapat menyalurkan maklumat penting kepada para peserta terutamanya kepada Peguam Kanan Hasil dan Peguam Hasil di Ibu Pejabat dan juga di Pejabat Pengarah Negeri serta Cawangan. Selain daripada itu, Legal Convention 2022 ini diharapkan akan menjadi platform bagi membincangkan perubahan dasar dan perkara berkenaan hala tuju dan misi bidang perundangan di LHDNM supaya sejajar dengan visi dan misi Kerajaan.



Para peserta memberikan tumpuan semasa sesi bersama Yang Arif Hakim Mahkamah Rayuan.



Peserta menanyakan soalan semasa sesi soal jawab Legal Convention 2022



Keceriaan para peserta semasa majlis Barrister's Dinner



Sesi fotografi para peserta Konvensyen Undang-undang 2022.



## Rangkuman

# Konvensyen Pematuhan Tahun 2022

SUSUNAN: JABATAN PEMATUHAN CUKAI

Jabatan Pematuhan Cukai (JPC) merupakan sebuah jabatan yang memainkan peranan penting dalam menyelia aktiviti audit di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL). JPC bertanggungjawab dalam membuat polisi audit, perancangan pelan aktiviti audit tahunan, pemilihan kes audit dan pemantauan kualiti kerja aktiviti audit di cawangan termasuk aspek integriti pegawai audit.

JPC telah menganjurkan Konvensyen Pematuhan Tahun 2022 pada 21 hingga 25 Ogos 2022 bertempat di Kinta Riverfront Hotel & Suites Ipoh, Perak. Konvensyen Pematuhan ini telah menghimpunkan 265 orang peserta yang terdiri daripada pengarah cawangan, pengurus audit, ketua kumpulan, pegawai audit cukai dan pegawai audit majikan daripada seluruh cawangan HASiL. Konvensyen Pematuhan pada kali ini mengangakat

tema **Audit Berintegriti, Hasil Berkualiti** yang jelas menunjukkan komitmen JPC dan pegawai audit terhadap tugas serta tanggungjawab yang harus dipikul bersama untuk menghasilkan kerja yang berkualiti berlandaskan prosedur kerja yang telah ditetapkan. Secara tidak langsung, inisiatif sebegini akan memberi impak kepada peningkatan kadar pematuhan dan kutipan cukai Negara.

Konvensyen ini menjadi platform terbaik dalam mengupas idea dan pengetahuan, bertukar pendapat dan pengalaman dalam suasana dan persekitaran yang dirancang khas buat semua pegawai yang terlibat dalam aktiviti audit. Ia juga menjadi medan bagi mengeratkan lagi kerjasama dan perkongsian maklumat dalam kalangan pegawai audit, JPC dan jabatan pemilik proses yang lain.



### **Pengisian konvensyen pada kali ini meliputi:**

1. Pembentangan fungsi dan strategi seksyen di JPC;
2. Pembentangan fungsi jabatan lain yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pematuhan;
3. Sesi perbincangan terhadap isu-isu atau permasalahan berbangkit dan juga penambahbaikan bagi memantapkan pematuhan cukai; serta
4. Penerapan nilai etika serta integriti melalui sesi taklimat integriti dan ceramah motivasi.

Penganjuran Konvensyen Pematuhan pada kali ini diharapkan dapat mencapai objektifnya dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pegawai audit dan dalam masa yang sama membuka peluang kolaborasi antara jabatan, negeri dan cawangan. Semoga setiap isu dapat dirungkai serta penyelesaian terbaik dapat dicapai dan juga dapat menghasilkan pendekatan-pendekatan baharu bagi meningkatkan kualiti aktiviti audit demi kepentingan bersama dalam menggalas tanggungjawab yang sama. Pandangan, input, cadangan dan maklum balas yang diterima daripada cawangan akan diteliti dan diambil kira dalam merangka strategi pemantapan pematuhan cukai, kini dan masa hadapan.




## Rangkuman

# HARI SIHAT HASIL 2022

**TARIKH** : 6 HINGGA 7 SEPTEMBER 2022  
**LOKASI** : DEWAN BANGSAWAN, MENARA HASIL CYBERJAYA  
**PENGANJUR** : JABATAN PENGURUSAN INSAN  
**BIL. PENYERTAAN** : 700 ORANG

### AKTIVITI :

1. Program derma darah
2. Booth pemeriksaan kesihatan oleh institusi kesihatan seperti IJN, KPJ Healthcare, DBC Physio, KPMC, Avisena dan lain-lain
3. Forum "Bangkit, Tangani Derita, Cipta Bahagia" oleh YBr. Ustaz Zul Ramli Mohamed Razali dan YBr. Prof. Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail
4. Health Talk
5. Jualan barangan kesihatan
6. Perkhidmatan urutan, spa dan rawatan chiropractic
7. Sesi zumba



## Rangkuman

# SUKAN HASIL 2022

SUSUNAN: PEJABAT PENGARAH NEGERI WP PUTRAJAYA

Pejabat Pengarah Negeri WP Putrajaya telah dipertanggungjawabkan bagi pengelolaan Sukan HASiL edisi ke-37 pada 26 hingga 30 Ogos 2022. YBrs. Tuan Haji Mohamad Fauzi bin Saat, Pengarah Negeri WP Putrajaya selaku Pengerusi Pengelola bersama-sama 32 orang AJK Induk telah berjaya memastikan penganjuran temasya



Antara Acara yang Dipertandingkan dalam Sukan HASiL 2022 Putrajaya



Sukan HASiL 2022 Putrajaya berlangsung dengan gemilang.

Sebanyak 18 acara utama dan 28 pecahan acara dipertandingkan bagi temasya sukan ini melibatkan beberapa lokasi kejohanan iaitu UNITEN, INSPENS, Uptown Sport Bangi, Kota Seriemas Golf & Country Club, IOI City Mall, Kompleks Sukan Bukit Kiara dan Bukit Fraser. Seperti acara Sukan HASiL terdahulu, kontinjen – kontinjen dari Zon Tengah, Zon Utara, Zon Cyber dan Zon Selatan telah memberikan komitmen dan semangat juang yang tinggi bagi merebut kejuaan acara yang dipertandingkan. Seramai 1,636 atlet daripada zon-zon ini bersaing bagi merebut 946 medal dan 33 piala iringan yang telah ditawarkan.

Pelbagai aksi menarik dipersembahkan dan dihidangkan kepada tetamu serta atlet Sukan HASiL 2022 Putrajaya.



Bintang HASiL 2022



Majlis Penutup Sukan HASiL 2022 Putrajaya Diserikan dengan Kehadiran YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan



Tahun 2022 melakarkan satu lagi sejarah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL) apabila diberi penghormatan menjadi penganjur *51st SGATAR Annual Meeting* pada 17 sehingga 21 Oktober 2022 di Shangri-la Hotel, Kuala Lumpur dengan penyertaan seramai 230 orang. Program tahunan yang dianjurkan secara penggiliran dalam kalangan ahli-ahli *Study Group on Asia-Pacific Tax Administration and Research (SGATAR)* ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia pada 18 Oktober 2022.

Pada majlis yang sama, YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) HASIL selaku *Chair of 51st SGATAR Annual Meeting* telah menyampaikan *keynote address* semasa pembukaan *plenary session* dan memperkenalkan YBhg. Datuk Mohd Jaafar Embong, TKPE (Dasar) sebagai *Secretary-General of the 51st SGATAR Annual Meeting*. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh para jemputan khas terdiri daripada wakil-wakil daripada Kementerian Kewangan dan agensi berkaitan iaitu :

- Kementerian Kewangan (Setiusaha Bahagian Cukai dan Delegasi)
- Anggota Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- *Presiden, Malaysia Association of Tax Accountant (MATA)*
- *Presiden, Association of Inland Revenue Alumni (AIRA)*
- Pengarah Produksi, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Berikut merupakan pengisian program *51st SGATAR Annual Meeting* :

BIL.	PENGISIAN	CATATAN
1.	<i>Breakout Session</i>	<p>Dibahagikan kepada dua (2) sesi :</p> <p><b>i). <i>Heads Of Delegation Forum (HOD Forum)</i></b> Forum yang melibatkan kesemua ketua-ketua delegasi negara ahli SGATAR yang terdiri daripada <i>Commissioners/ Director General</i> pentadbir cukai masing-masing bagi membincangkan isu-isu percukaian antarabangsa di samping berkongsi pengalaman serta amalan terbaik pentadbir cukai dalam kalangan ahli-ahli SGATAR.</p> <p><b>ii). <i>Working Group (WG) Meeting</i></b> Kumpulan mesyuarat yang terdiri daripada delegasi biasa yang mewakili negara ahli SGATAR yang hadir. Sesi ini dibahagikan kepada tiga (3) tajuk perbincangan iaitu :</p> <p><i>i). WG1:Benefit test issues for intra-group services;</i> <i>ii). WG2:The use of exchange of information to address tax evasion;</i> dan <i>iii). WG3:Supporting SME compliance through digitalisation.</i></p>
2.	<i>Plenary Session</i>	<p>Pembentangan disampaikan oleh wakil daripada organisasi antarabangsa seperti berikut:</p> <p><i>i). Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD);</i> <i>ii). "Developments in the International Tax and Transparency Landscape and Impacts on Tax Administration",</i> <i>iii). Asian Development Bank (ADB) :</i></p>

		iv). "ADB's Support for Tax Reforms in the Asia and Pacific Region", v). <i>Inter-American Center of Tax Administrations (CIAT) "e-Invoicing"</i> vi). <i>International Monetary Fund (IMF): "Revenue Mobilisation Post-Covid-19"</i> vii). Bank Dunia: "World Bank's Domestic Resource Mobilization Approach"
3.	<i>Bilateral Meeting</i>	Malaysia telah mengadakan <i>bilateral meeting</i> bersama Vietnam, Jepun, Indonesia, Cambodia dan <i>Inter-American Center of Tax Administrations (CIAT)</i>

Sepanjang tempoh penganjuran *51st SGATAR Annual Meeting* ini, para HOD dan delegasi telah diberikan pengalaman '*Malaysian Hospitality*' yang terbaik dengan pengisian *excursion programme* yang menarik. Antaranya adalah makan malam di *Atmosphere 360 KL Tower*, meneroka Bandaraya Kuala Lumpur bersama perkhidmatan bas *Hop On Hop Off*, pengalaman '*Malaysian supper*' di Restoran Pelita Nasi Kandar KLCC, perlawanan bowling VIP melibatkan HOD dan lain-lain lagi.

*51st SGATAR Annual Meeting* turut diserikan dengan majlis makan malam '*SGATAR Night*' yang diadakan pada malam terakhir program iaitu 20 Oktober 2022. Secara tradisinya, setiap negara ahli SGATAR perlu membuat persembahan yang melibatkan semua delegasi yang hadir. Pada tahun ini, Malaysia telah membuat persembahan dikir barat yang turut disertai oleh KPE dan TKPE (Dasar) HASiL bersama barisan *Liaison Officers (LO)* yang terdiri daripada pegawai-pegawai LHDNM.

#### TRIVIA :

- *SGATAR Annual Meeting* dijalankan secara tahunan dan penganjuran adalah secara penggiliran dalam kalangan ahli-ahli SGATAR. Walau bagaimanapun, daripada 18 ahli SGATAR, hanya 10 ahli yang dipertanggungjawabkan untuk menjadi hos (*hosting members*) termasuk Malaysia.
- SGATAR tidak mempunyai satu komposisi sekretariat yang tetap atau *permanent secretariat* yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal operasi dan pentadbiran SGATAR. Ini disebabkan peranan sekretariat tersebut digalas secara penggiliran dan kumpulan sekretariat ini dikenal sebagai *SGATAR Taskforce*. Dalam sesuatu tempoh (tahun), *SGATAR Taskforce* akan dianggotai oleh tiga (3) buah negara ahli SGATAR. Keahlian tersebut adalah terdiri daripada penganjur *SGATAR Annual Meeting* tahun sebelum, tahun semasa dan tahun berikutnya.
- *50th SGATAR Annual Meeting* pada tahun lepas telah dianjurkan oleh Jepun secara dalam talian berikutan pandemik *Covid-19*.
- Edisi ke-51 ini merupakan penganjuran kali kedua oleh Malaysia yang mana anjuran kali pertama sebelum ini iaitu *41st SGATAR Annual Meeting* adalah pada tahun 2011 di Kota Kinabalu, Sabah.
- Penganjur bagi *52nd SGATAR Annual Meeting* adalah Thailand, dan tahun berikutnya adalah Korea Selatan (*53rd SGATAR Annual Meeting*).

## Rangkuman

# PESTA KONVOKESYEN HASIL 2022

<b>TARIKH</b>	: 20 DAN 21 SEPTEMBER 2022
<b>LOKASI</b>	: DEWAN BANGSAWAN, MENARA HASIL CYBERJAYA
<b>PENGANJUR</b>	: AKADEMI PERCUKAIAN MALAYSIA
<b>BIL. PENYERTAAN</b>	: 362 ORANG

323 GRADUAN DIPLOMA LANJUTAN PERCUKAIAN PROFESIONAL (DLPP)

- 11 GRADUAN DIPLOMA LANJUTAN PERAKAUNAN (DLP)
- 28 GRADUAN CERTIFIED TAX INVESTIGATOR PROGRAMME (CTIP)



YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, KPE HASIL menyampaikan ucapan perasmian Majlis Konvokesyen Ke-6 Akademi Percukaian Malaysia (APM)



YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi menyampaikan Anugerah Akademik dan Anugerah CEO kepada Encik Luqman Al Hakim bin Hamidin dari Pejabat Pengarah Negeri Pulau Pinang



Pengurusan Tertinggi HASIL Bersama-Sama Graduan Majlis Konvokesyen Ke-6 Akademi Percukaian Malaysia

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti HASiL 2022 (HII 2022) telah diadakan secara hibrid di Dewan Bangsawan, Menara HASiL Cyberjaya dan turut disiarkan secara webinar menerusi aplikasi zoom. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara dan turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, barisan Anggota Lembaga HASiL serta barisan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL.

Pada majlis sambutan HII 2022 ini, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali telah menyampaikan Anugerah Keselamatan Perlindungan HASiL kepada empat penerima yang telah berjaya mengekalkan tahap keselamatan persekitaran tempat kerja di tahap yang cemerlang. Penerima-penerima tersebut ialah:

- i). Jabatan Penyelidikan dan Strategik (Kategori Jabatan)
- ii). Pejabat Pengarah Negeri Kedah/Perlis (Kategori Negeri)
- iii). Cawangan Sandakan (Kategori Cawangan), dan
- iv). Cawangan Siasatan Pulau Pinang (Kategori Cawangan Siasatan)

Sebanyak empat (4) produk baharu juga telah dilancarkan pada majlis tersebut iaitu:

1. **#TAX – HASiL Taxpayer Management System** merupakan satu inisiatif di bawah Transformasi HASiL sebagai one-stop-centre bagi pengurusan Sistem e-Filing, PKI (sijil digital), TAeF dan e-KYC. Ia juga merupakan penambahbaikan kepada Sistem Pendaftaran Sijil Digital (SPSD) sedia ada dan hanya boleh diakses oleh Hasilian bagi melicinkan pengurusan percukaian pembayar cukai.

## 2. e-KYC – Electronic System Know-Your-Customer

merupakan satu inisiatif di bawah Transformasi Hasil sebagai perkhidmatan pengesahan identiti pengguna secara elektronik melalui penggunaan teknologi Artificial Intelligence (AI). Aplikasi ini dapat dicapai menerusi aplikasi MyTax dengan menggunakan peranti mudah alih dan boleh diakses oleh orang awam serta Hasilian. e-KYC menyediakan perkhidmatan kepada pembayar cukai bagi memudahkan proses pendaftaran sijil. Aplikasi ini juga akan membolehkan pembayar cukai memohon Nombor Pin Sijil Digital secara dalam talian tanpa perlu hadir lagi ke premis HASiL.

3. **MyTax 2.0** merupakan satu inisiatif di bawah Transformasi Hasil sebagai pusat paparan utama (one-stop centre) bagi informasi cukai kepada pembayar cukai yang merangkumi sistem Web dan Mobile :

BIL.	MENU	SUB-MENU
1.	Paparan Utama (Dashboard)	i). Baki Cukai ii). Jumlah Cukai iii). umlah Bayaran Balik iv). Status Semakan Sekatan Perjalanan v). Status Borang e-Filing
2.	Status MyTax	i). PCB ii). Lejar iii). Bayaran Balik iv). CP500 v). CP204 vi). SPC vii). BNCP
3.	Perkhidmatan ezHasil	
4.	e-Aplikasi HITS	
5.	Peti Surat: Notifikasi, Surat, Pemakluman	

6.	Profil Pembayar Cukai
7.	Permohonan Peranan Pembayar Cukai
8.	Integrasi e-Filing/PKI
9.	Integrasi e-KYC, #Tax dan TaeF
10.	Integrasi SMART
11.	Integrasi DMS
12.	Integrasi ReMS

4. Buku Hasil Melakar Sejarah merupakan sebuah buku yang merekodkan sejarah penubuhan bagi 25 Jabatan, 2 Akademi Percukaian dan 3 Cawangan

Khas di HASiL dari tahun 1996 hingga 31 Disember 2019. Di samping itu, buku ini juga merekodkan sejarah penubuhan 12 Pejabat Pengarah Negeri, 37 Cawangan, 17 Cawangan Siasatan dan 44 Pusat Khidmat Hasil di HASiL dari tahun 2010 hingga 30 Jun 2019.

Dalam majlis yang sama, penyampaian hadiah bagi pertandingan-pertandingan yang diadakan sempena Sambutan Hll 2022 juga telah disempurnakan. Senarai pertandingan dan para pemenangnya adalah seperti berikut :

BIL.	PERTANDINGAN	SENARAI PEMENANG
1.	<b>Anugerah Inovasi CEO (AICEO) HASiL 2022</b>	<p><b>PENERIMA ANUGERAH</b>  Nama Kumpulan: <b>JABATAN PUNGUTAN HASIL</b>  (JABATAN PUNGUTAN HASIL)</p> <p>Nama Projek: <b>SISTEM e-TT (e-TELEGRAPHIC TRANSFER)</b></p> <p>Nama Ahli:  1. Marside @ Marsidi Bin Julika @ Zelika  2. Anim Bin Omar  3. Shamshul Kamal Bin Mohamed Nazri  4. Elmy Hisham Bin Md Rashid  5. Mohd Yasin Bin Mohd Ali  6. Fareeza Binti Ibrahim  7. Fakhrol Zaki Bin Hussin  8. Nik Yuzila Binti Nik Yusof  9. Norasmawati Binti Mohamed Nor  10. Lisawati Indah Binti Osman  11. Mohd Bazley Bin Mislin  12. Zarina Binti Risman  13. Siti Ratna Binti Amin  14. Rosnah Binti Mat Shadid</p> <p><b>PENGHARGAAN</b>  Nama Kumpulan: <b>i-SP TEAM</b>  (CAWANGAN SUNGAI PETANI)</p> <p>Nama Projek: <b>SISTEM PERMOHONAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN FLEXIBLE OFFICE CAWANGAN SUNGAI PETANI (e-SOFO)</b></p> <p>Nama Ahli:  1. Norhayati Binti Mat Nor  2. Che Wan Nafisah Binti Che Wan Mazlan  3. Roshidawati Binti Yahaya  4. Mohd Ruzlan Bin Mohd Yunus  5. Jamsari Bin Ramli  6. Mohamad Khaalid Bin Pazim @ Fadzim  7. Azwan Bin Wan Ghazali  8. Tan Sheau Hui  9. Nurul Izaja Binti Md Saad  10. Devandran A/L Nagapah Reday  11. Ahmad Shakir Amzar Bin Mohd Saipudin  12. Mohd Jafni Bin Muhammad Abdah</p>

		<p>13. Nurul Najihah Binti Abu Seman 14. Nursyamira Binti Haron</p> <p><b>PENGHARGAAN</b> Nama Kumpulan: <b>1-Touch</b> (JABATAN DASAR PERCUKAIAN)</p> <p>Nama Projek: <b>MyDERMA One Stop Platform</b></p> <p>Nama Ahli:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Anizah Binti Ahad</li> <li>2. Astianty Binti Chia Yon Sin</li> <li>3. Jamilah Binti Mohd Khairi</li> <li>4. Zulfaizan Ismi Binti Haron</li> <li>5. Syaiful Ammar Bin Ahmad</li> </ol>
2.	<b>IDEA@HASIL 2022</b>	<p><b>LIMA (5) IDEA TERBAIK</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1). Muhammad Aiman Bin Kamarudin Cawangan Pembayar Cukai Besar</li> <li>2). Norhayati Binti Mat Nor Cawangan Sungai Petani</li> <li>3). Mohd Azizan Bin Hassin Jabatan Pengurusan Insan</li> <li>4). Mohamad Shahril Bin Mohamad Sadik Cawangan Labuan</li> <li>5). Murni Binti Abu Samah Cawangan Cheras</li> </ol>
3.	<b>Pertandingan Pidato Integrasi HASIL</b>	<p><b>Tempat Pertama</b> Muhammad Hafiz Halily Bin Aisa Jabatan Khidmat Korporat</p> <p><b>Tempat Kedua</b> Kamariah Binti Alam Pejabat Pengarah Negeri Sabah</p> <p><b>Tempat Ketiga</b> Mohd Azrul Bin Bagdad Pejabat Pengarah Negeri Selangor</p> <p><b>Tempat Keempat</b> Mohd Zulfiqar Bin Mohd Nor Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</p> <p><b>Tempat Kelima</b> Sindhu A/P Krishnan Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>
4.	<b>Pertandingan Mencipta Video Korporat Nilai-Nilai Teras HASIL</b>	<p><b>Tempat Pertama (Cawangan Bintulu)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Azuari Bin Lai</li> <li>2. Muhammad Tahir Bin Ali</li> <li>3. Claudenna Kupa Anak Simon</li> </ol> <p><b>Tempat Kedua (Cawangan Kuala Lumpur Bandar)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Affandy Isa</li> </ol> <p><b>Tempat Ketiga (Jabatan Khidmat Korporat)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wan Muhammad Syafiq Bin Shaarin</li> <li>2. Yazid Bin Muhamad Yussof</li> </ol> <p><b>Tempat Keempat (Cawangan Shah Alam)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mohd Amirul Ashraf Bin Radzuan</li> </ol>

		<p><b>Tempat Kelima (Cawangan Temerloh)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sharifah Mushellika Farazdia Eliya Binti Sayed Mustafar</li> <li>2. Ainol Amri Bin Tambi</li> <li>3. Muhammad Ruzaidi Bin Ismadi</li> </ol>
5.	<p><b>Kembara Inovasi HASIL (KIH) 2022</b></p>	<p><b>KATEGORI VIP</b></p> <p><b>Tempat Pertama</b> Pasukan: <b>LADY HUNTERS</b> (Cawangan Pembayar Cukai Besar, Cawangan Shah Alam, Cawangan Industri Khusus dan Cawangan Cukai Multinasional)</p> <p><b>Tempat Kedua</b> Pasukan: <b>DONGIBAB WARRIORS</b> (Pejabat Pengarah Negeri Johor dan Cawangan Pembayar Cukai Besar)</p> <p><b>Tempat Ketiga</b> Pasukan: <b>PHEONIX BIRU</b> (Jabatan Operasi Cukai)</p> <p><b>KATEGORI TERBUKA</b></p> <p><b>Tempat Pertama</b> Pasukan: <b>TINY TIGER</b> (Pejabat Pengarah Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Cawangan Pembayar Cukai Besar dan Cawangan Kuala Lumpur Bandar)</p> <p><b>Tempat Kedua</b> Pasukan: <b>HUNTER QARUN</b> (Jabatan Pungutan Hasil, Cawangan Wangsa Maju dan Cawangan Petaling Jaya)</p> <p><b>Tempat Ketiga</b> Pasukan: <b>HUNTASTIC</b> (Jabatan Teknologi Maklumat)</p> <p><b>Tempat Ke-4 hingga Ke-10</b></p> <p>Pasukan: <b>WANGSA MAJU HUNTERS</b> (Cawangan Wangsa Maju)</p> <p>Pasukan: <b>OOMPA LOOMPA</b> (Pejabat Pengarah Negeri Johor, Cawangan Siasatan Johor, Cawangan Siasatan Kuala Lumpur dan Cawangan Cukai Multinasional)</p> <p>Pasukan: <b>WAGHIH</b> (Cawangan Seremban dan Cawangan Siasatan Kuala Lumpur)</p> <p>Pasukan: <b>3RIT</b> (Jabatan Khidmat Korporat, Jabatan Pematuhan Cukai, Cawangan Cukai Multinasional dan Cawangan Duta Penggajian)</p> <p>Pasukan: <b>BRAINY LEG HUSTLER</b> (Jabatan Pematuhan Cukai)</p> <p>Pasukan: <b>ADAM The Explorer</b> (Jabatan Undang-undang, Cawangan Guaman Lembah Klang dan Cawangan Kuching)</p> <p>Pasukan: <b>Dabelicious</b> (Jabatan Pengurusan Insan, Jabatan Operasi Cukai, Cawangan Wangsa Maju dan Cawangan Bangi)</p>

# Tahniah

**CDERT HASIL WILAYAH PERSEKUTUAN**

**ANUGERAH PENARAFAN BINTANG CDERT  
PERTAHANAN AWAM 2021**

Syabas dan tahniah buat pasukan CDERT HASIL  
Wilayah Persekutuan yang telah menerima  
Bintang Gangsa (Agensi Kerajaan) bagi  
Anugerah Penarafan Bintang CDERT Pertahanan Awam 2021  
sempena Sambutan Dekad Platinum Angkatan Pertahanan Awam  
yang telah diadakan di Bangi Avenue Convention Centre.

12 Oktober 2022



# Tahniah

## PASUKAN HASIL

### SUKAN PANTAI BADAN BERKANUN (SUPANUN)

Tahniah dan syabas buat 43 orang Hasilian yang berentap dalam Sukan Pantai Badan Berkanun (SUPANUN) 2022 yang telah diadakan pada 11 hingga 16 Oktober 2022 di Port Dickson dan disertai oleh 30 agensi Badan Berkanun.

Pasukan HASIL telah berjaya mendapat Naib Juara bagi Bola Tampar Pantai Wanita dan tempat ke-3 bagi Bola Tampar Pantai Lelaki.

16 Oktober 2022



# Tahniah

## HASILIAN

### LARIAN KEWANGAN 2022

Tahniah dan syabas kepada Keluarga HASIL yang telah mengambil bahagian dalam Larian Kewangan 2022 yang telah diadakan di Taman Tasik Cyberjaya, Selangor.

HASIL telah menghantar penyertaan peserta paling ramai dengan jumlah 410 orang peserta.

Hasilian telah dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori seperti berikut :

#### 10km Lelaki Terbuka

Juara:  
Muhammad Amirulamin Abdu Manan - Cawangan Duta (Penggajian)  
Ke-5:  
Navindir Singh - Akademi Percukaian Malaysia

#### 10km Wanita Terbuka

Juara:  
Sanggeetha Subramaniam - Cawangan Klang  
Naib Juara:  
Nur Izzaty Abdullah - Cawangan Melaka  
Ke-3:  
Ana Mohzan - Cawangan Wangsa Maju  
Ke-4:  
Siti Nurzullieeka Marzuki - Jabatan Khidmat Korporat

#### 10km Wanita Senior

Naib Juara:  
Parida Usman - Cawangan Guaman Lembah Klang

#### 10km Lelaki Super Senior

Juara:  
M Azmi Abdullah - PPN Putrajaya  
Naib Juara:  
Bacho Abdul Karim - Cawangan KL Bandar

#### Pakaian Terbaik Lelaki

Juara: Rezuan Ghazali - Cawangan KL Bandar

22 Oktober 2022



## PERCUKAIAN SELAIN INDIVIDU DAN SELAIN SYARIKAT

Di Malaysia, kategori cukai pendapatan yang biasa diperkatakan adalah individu dan syarikat memandangkan ia melibatkan majoriti masyarakat di negara ini. Tahukah anda, terdapat beberapa kategori percukaian yang tersenarai di bawah Selain Individu dan Selain Syarikat? Kategori ini adalah tertakluk kepada percukaian seperti

yang diperuntukkan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 dan akta-akta yang bersangkutan dengannya.

Untuk memudahkan pemahaman, berikut adalah ringkasan maklumat bagi Kategori Selain Individu dan Selain Syarikat:

BIL.	JENIS FAIL	JENIS BORANG	KATEGORI PEMBAYAR CUKAI	TARIKH AKHIR PENGHANTARAN BORANG
<b>SELAIN INDIVIDU</b>				
1.	D	P	PERKONGSIAN	30 JUN
2.	F	TF	PERTUBUHAN	TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN: 30 APRIL
3.	TP	TP	HARTA PUSAKA	
4.	J	TJ	KELUARGA SEKUTU HINDU	MENJALANKAN PERNIAGAAN: 30 JUN
<b>SELAIN SYARIKAT</b>				
1.	PT	PT	PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD	DALAM TEMPOH 7 BULAN DARI TARIKH AKHIR PENUTUPAN TEMPOH PERAKAUNAN YANG MENJADI TEMPOH ASAS BAGI TAHUN TAKSIRAN BERKENAAN
2.	TC	TC	UNIT AMANAH / AMANAH HARTA TANAH	
3.	CS	C1	KOPERASI	
4.	TA	TA	BADAN AMANAH	
5.	TR	TR	AMANAH PELABURAN HARTA TANAH / TABUNG AMANAH HARTA	
6.	TN	TN	AMANAH PERNIAGAAN	

Oleh itu, pemilik atau individu yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk :

1. Mendaftar nombor cukai yang berkaitan sebagai rujukan apabila berurusan dengan HASiL,
2. Mengemukakan borang cukai yang berkaitan dengan kategori fail cukai dalam tempoh yang dibenarkan,
3. Membuat bayaran cukai sekiranya ada,
4. Mengemaskini maklumat perhubungan seperti alamat, nombor telefon dan alamat e-mel dengan HASiL sekiranya berlaku sebarang perubahan dalam organisasi termasuk pertukaran pegawai bertanggungjawab; dan
5. Menjaga dan menyimpan rekod selama tempoh tujuh (7) tahun serta memastikan rekod tersebut mudah dicapai oleh HASiL jika diperlukan.
6. Maklumat lanjut berhubung kategori percukaian ini boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau di cawangan HASiL yang berdekatan.



HASiL Your Tax Buddy @ UiTM Puncak Alam, Selangor pada 28 Mei 2022



**H**ASiL Your Tax Buddy (HYTB) merupakan jenama program kesedaran cukai baharu yang telah diperkenalkan pada tahun 2022.

Objektif program ini adalah selaras dengan hala tuju HASiL dalam memastikan pematuhan cukai secara sukarela dan bersandarkan kepada penyampaian perkhidmatan HASiL yang efisien dan fokus program ditumpukan kepada layanan percukaian kepada perniagaan digital. Sasaran peserta program pula adalah dari kalangan siswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara.

Program ini juga telah mendapat sokongan sepenuhnya daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang diseragamkan bersama-sama dengan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021 – 2025 dengan matlamat untuk mentransformasikan

landskap keusahawanan di IPT daripada keusahawanan yang berasaskan keperluan kepada yang berasaskan peluang.

Penganjuran Program HYTB dibuat mengikut dua belas (12) Pejabat Pengarah Negeri (PPN) dan antara program yang telah selesai dijalankan sehingga pertengahan tahun 2022 adalah:

- **HASiL Your Tax Buddy @** Politeknik Muadzam Shah, Pahang pada 11 Mac 2022
- **HASiL Your Tax Buddy @** UiTM Kampus Samarahan, Kuching pada 31 Mac 2022
- **HASiL Your Tax Buddy @** Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 26 Mei 2022
- **HASiL Your Tax Buddy @** UiTM Puncak Alam, Selangor pada 28 Mei 2022
- **HASiL Your Tax Buddy @** UiTM Melaka pada 16 Jun 2022
- **HASiL Your Tax Buddy @**

UiTM Arau, Perlis pada 4 Julai 2022

- **HASiL Your Tax Buddy @** Kolej Profesional Baitulmal, WP Kuala Lumpur pada 6 Ogos 2022

Antara agenda dan pengisian program HYTB adalah perkongsian informasi percukaian melalui slot taklimat santai dan aktiviti rekreasi luar yang berkonsepkan “**edutainment**” iaitu **HASiL Taxplorace**. Aktiviti ini mendapat maklum balas positif peserta dan memberikan ruang eksplorasi berkenaan fungsi HASiL dalam pembangunan Malaysia melalui cabaran di setiap stesen permainan. Kerjasama strategik di antara HASiL dan pihak IPT dalam penganjuran HYTB ini juga akan menjadi pemangkin untuk terus memberikan momentum dalam penyampaian informasi percukaian mengikut arus perdana dan sesuai dengan kelompok sasaran.



1. PENYERAHAN CEK SUMBANGAN BAGI PENAMBAHBAIKAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN

TARIKH : 13 Julai 2022  
PENERIMA : Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Terap, Sungai Besar, Selangor



2. PROGRAM CSR HASIL KASIH PRIHATIN PERINGKAT NEGERI PERAK

TARIKH : 27 September 2022  
PENERIMA : Pusat Jagaan Warga Emas Al Ikhlas Rozy, Kampung Pinang Seberang, Kamunting, Perak.



3. PROGRAM CSR HASIL KASIH PRIHATIN PERINGKAT NEGERI SARAWAK

TARIKH : 28 September 2022  
PENERIMA : Rumah Sri Kenangan Kuching



4. CSR 3.0 KPPU HASIL KASIH PRIHATIN DI PULAU MABUL, SEMPORNA, SABAH

TARIKH : 25 November 2022  
PENERIMA :  
i). Pasukan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) di Bohey Dulang dan Pos Pulau Sibuan,  
ii). Pasukan Polis Marin di Pos Pulau Mabul,  
iii). Madrasah Islamiah, Kampung Pulau Mabul, dan  
iv). Penduduk Kampung Pulau Mabul.

## Introduction

**A** cryptocurrency is a type of digital asset that uses cryptography to secure its transactions and control the creation of new units. Cryptocurrencies are decentralized, meaning they are not subject to government or financial institution control. Bitcoin, the first and most well-known cryptocurrency, was created in 2009. Cryptocurrencies are often traded on decentralized exchanges and can also be used to purchase goods and services. Bitcoin and other cryptocurrencies are often considered investments, but they can also be used as payment methods.

In Malaysia, digital currencies are not regulated by Bank Negara and are not considered legal tender. The Securities Commission of Malaysia ("SC") recognizes cryptocurrencies as digital assets and issued the Guidelines on Digital Assets to provide a framework for its issuance in Malaysia.

Currently, SC has recognized four registered cryptocurrency exchanges which are Luno Malaysia Sdn. Bhd., MX Global Sdn. Bhd., SINEGY Technologies (M) Sdn. Bhd. and Tokenize Technology (M) Sdn. Bhd.

In order to own cryptocurrency, one can purchase it at any of the above exchanges or by way of bitcoin mining.

## Controversies surrounding Cryptocurrencies

Cryptocurrencies are still considered new and there is a lot of uncertainty surrounding them, it has raised financial concerns for the government worldwide. Tax authorities, enforcement agencies, and regulators globally are still debating how to control it. Despite being popularly used for buying goods and services, there are still no uniform international laws that regulated Bitcoin.

Cryptocurrency is showing an increasing trend in Malaysia. Although it has been around for many years, the tax authorities have not come out with a specific guideline on the tax treatment of cryptocurrencies. Therefore, the owners and traders of cryptocurrencies are left with the question of whether the gains are taxable in Malaysia.

The controversy regarding cryptocurrencies from an Islamic perspective, on the other hand, is mainly due to the fact that there is no clear consensus on whether or not cryptocurrencies are permissible under Islamic law. Some scholars argue that cryptocurrencies are permissible as they are seen as a form of currency, and therefore fall under the same rules as other forms of currency. Other scholars argue that cryptocurrencies are not permissible as they are not backed by a physical commodity, and are therefore not considered to be a real currency. There is also a third group of scholars who argue that cryptocurrencies should be considered permissible, but only if they are used in an Islamic way.

## Taxation of Cryptocurrencies in Malaysia

As mentioned above, the Inland Revenue Board ("IRBM") has yet to issue a guideline that specifically deals with the issue of cryptocurrency taxation. Nevertheless, IRBM has stated that the current provisions under the Income Tax Act 1967 (ITA) are applicable.

In general, the taxability of digital currency in Malaysia is based on Section 3 of the ITA 1967 where the income of any person accruing in or derived from Malaysia or received in Malaysia from outside Malaysia is taxable. Transactions involving digital currency are to be subjected to Malaysian tax if the key activities and business operations are mostly performed in Malaysia or if the business has a

presence in Malaysia.

A person who trades digital currencies actively may be viewed as generating revenue from the activity thus gains from digital currencies trading is taxable. On the other hand, gains derived by individuals who trade occasionally may be viewed as capital gains and not taxable in Malaysia.

### Zakat of Cryptocurrencies in Malaysia

The public is still confused about the payment of zakat on digital assets and many Bitcoin owners do not pay zakat even though the conditions are met.

The National Fatwa Council has issued an advisory warning Muslims against investing in cryptocurrencies on the ground of Sadd al-Zarai' (closing the door that could lead to harm). This is due to its disadvantages (mafsadah) such as it has no intrinsic value, speculative and volatile, has the elements of uncertainty (gharar), and can be manipulated and used to fund terrorist activities and cybercriminals and security issues.

However, the council has not issued any rulings or fatwas specifically governing the treatment of cryptocurrencies under zakat.

Perlis Fatwa Council, notwithstanding the above, in July 2019, decided that digital assets are subject to zakat due to their nature as a commodity or Urudh al-Tijarah. The condition of zakat to be imposed on the ownership of digital assets is its value reaches the threshold (nisab) and one has possession of it at its nisab for a lunar year (hawl). The payment of zakat can be made either in cash or in Bitcoin units.

The calculation of zakat on Bitcoin is as below: [(The lowest value of Bitcoin unit in a lunar year x number of Bitcoin units) + profit from trading throughout the year} x 2.5%]

To illustrate, the following example can be used:

Azim bought 1 unit of Bitcoin on 1 January 2021 at the price of RM117,555. On 1 January 2022, after a year, the market value of Bitcoin increased to RM193,454. The lowest price

recorded from 1 January 2021 until 1 January 2022 was RM 117,555 (January). To date, Azim has not sold the Bitcoin and keeps it for future sale. Nisab for Perlis at the time is RM22,107.08

### Zakat to be paid:

$[(RM117,555 \times 1) + 0] \times 2.5\% = RM2,938.88$

### Conclusion

To date, both the treatments of tax and zakat are yet to be clarified by way of clear guidelines from authorities. For zakat, only Perlis has published a fatwa on the zakat on cryptocurrencies and their calculation. Due to the popularity of cryptocurrencies, it is expected that a ruling by the National Fatwa Council and JAKIM will be out in near future.

The role of awareness and education towards voluntary compliance is important. Providing clear guidelines by both the tax authorities and zakat bodies helps them understand the importance of paying taxes and zakat. In addition, it helps those who are already willing to pay and comply but abstain to do so due to uncertainty.

Nonetheless, for taxation, any gains from activities related to cryptocurrencies, which are trade in nature, are taxable if conditions are met. Any failure to report and pay taxes due will be penalized under Section 112, Section 113 or Section 114 of the ITA.

As for zakat, if an individual want to pay zakat on cryptocurrency, he or she can pay based on their own personal belief. Therefore, in the case of Malaysia, the fatwa and the calculation by the Perlis Fatwa Council can be referred to pay zakat.

*Disclaimer: This article is based on the opinions and views of the author and does not touch on any religious or political sensitivity.*

*Nor Ashikin Mohd Nadzari is currently pursuing a Doctor of Philosophy Degree in Economics, International Islamic University Malaysia*

## Istilah Percukaian

BIL	ISTILAH	MAKSUD
1.	<b>Anggaran Cukai CP204</b>	<p>Anggaran cukai bagi syarikat, koperasi, badan amanah dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang perlu dikemukakan tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi suatu tahun taksiran. Penghantaran anggaran cukai ini adalah melalui e-CP204, manakala sebarang permohonan pindaan anggaran cukai perlu menggunakan e-CP204A. Borang CP204B pula perlu dihantar bagi pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan.</p> <p>Syarikat hendaklah membayar ansuran cukai yang telah dianggarkan selewat-lewatnya pada hari ke 15 setiap bulan.</p>
2.	<b>Anggaran Cukai CP500</b>	<p>Amaun ansuran akan dianggarkan oleh LHDN dan akan dihantar kepada pembayar cukai pada setiap awal tahun menggunakan notis ansuran CP500. Bayaran perlu dibuat mengikut tarikh dan jumlah bayaran ansuran seperti yang ditetapkan di dalam notis CP500 tersebut.</p> <p>Pindaan CP500 boleh dibuat sebelum 30 Jun setiap tahun kalendar menggunakan Borang CP502.</p>
3.	<b>Potongan Cukai Bulanan (PCB)</b>	<p>Satu mekanisme potongan cukai pendapatan yang dibuat oleh majikan daripada saraan bulanan semasa pekerja mengikut Jadual PCB atau kaedah-kaedah lain yang diluluskan.</p> <p>Potongan ini bertujuan untuk mengurangkan beban pekerja membayar cukai sekaligus apabila cukai dikira.</p> <p>Majikan perlu meremitkan bayaran tersebut sebelum atau pada 15 hari bulan berikutnya.</p>
4.	<b>Anggaran Cukai CP38</b>	<p>Arahan CP38 akan dikeluarkan oleh HASiL yang mengkehendaki majikan membuat potongan tambahan secara ansuran bulanan (selain daripada PCB) bagi menyelesaikan tunggakan cukai pendapatan. Sekiranya pekerja yang menerima arahan CP38 ini juga tertakluk kepada PCB, mereka akan mempunyai dua (2) potongan gaji serentak mengikut tempoh yang dinyatakan dalam arahan tersebut.</p> <p>Tarikh akhir bayaran arahan CP38 adalah sama seperti PCB iaitu pada atau sebelum 15hb bulan berikutnya.</p>

# WASPADA DENGAN SCAMMERS

**BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA**

- LHDNM **TIDAK** MEMBUAT PANGGILAN MELALUI TELEFON BIMBIT
- LHDNM **TIDAK** AKAN MENYAMBUNGGKAN PANGGILAN KE AGENSI LAIN SEPERTI PDRM, MAHKAMAH DAN LAIN-LAIN
- LHDNM **TIDAK** MEMBERI **NO. AKAUN** UNTUK BAYARAN ATAU MEMINTA **NO. AKAUN** UNTUK BAYARAN BALIK



[www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)



[facebook.com/LHDNM](https://facebook.com/LHDNM)



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT



**CUKAI PENDAPATAN  
INDIVIDU**

Income Tax Payment For Individual



**CUKAI PENDAPATAN  
SYARIKAT**

Income Tax Payment For Company



**CUKAI PENDAPATAN  
MAJIKAN**

Income Tax Payment For Employer



**CUKAI PENDAPATAN  
& ANDA**

Income Tax & You



**PENDAPATAN  
PERNIAGAAN INDIVIDU**

Individual Business Income



**EKONOMI DIGITAL**

Digital Economy



**PENAMATAN  
PERKHIDMATAN**

Termination Of Service



**DUTI SETEM**

Stamp Duty



**E-DAFTAR**

e-Daftar



**TANGGUNGJAWAB  
MAJIKAN**

Responsibility of Employer



**CUKAI KEUNTUNGAN  
HARTA TANAH**

Real Property Gains Tax



**CUKAI KORPORAT**

Corporate Tax



**CUKAI KOPERASI**

Cooperative Tax



**SEKATAN PERJALANAN**

Stoppage Order



**SISTEM E-CP39**

e-CP39 System



**SEKSYEN 44(6)**

Section 44(6)